

Gaji RM1,000 sukar -- biayai rawatan kronik

UM 23 SEP 2002

KLANG 22 Sept. — Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng mengakui adalah sukar bagi seseorang yang berpendapatan RM1,000 sebulan menampung kos rawatan dan pembedahan penyakit kronik yang kadangkala menelan belanja ratusan ringgit.

Beliau berkata, kementerriannya bersetuju bahawa mereka yang berpendapatan sedemikian masih belum mampu untuk menampung sepenuhnya jumlah kos rawatan dan pembedahan yang terlalu tinggi.

Sehubungan itu kata beliau, Kementerian Kesihatan masih menunggu butiran lanjut dan garis panduan berhubung dana RM100 juta yang diumumkan kerajaan dalam Bajet 2003 bagi membantu kanak-kanak dan penghidap penyakit kronik.

"Kita setuju mereka yang berpendapatan RM1,000 pun tidak mampu menanggung kos rawatan dan pem-

bedahan penyakit kronik yang kadangkala mencecah RM200,000 atau lebih.

"Dalam hal ini, kementerian masih menunggu butiran lanjut dan garis panduan dana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 kelmarin.

"Walaupun dana itu hanya boleh dipohon oleh mereka yang berpendapatan kurang RM600 sebulan, tapi kita perlu tunggu garis panduan lanjut berhubung dana tersebut," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kemven Jadilah Sukarelawan Han Derma Darah di Plaza Majlis Perbandaran Klang (MPK) di sini hari ini.

Dana yang diumumkan oleh Dr. Mahathir itu disediakan atas keprihatinan dan rasa kemanusiaan kerajaan khusus untuk pesakit atau kanak-kanak yang ibu bapa

mereka berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan.

Mengetahui kemungkinan dana tersebut boleh dipohon oleh mereka yang berpendapatan lebih RM600, Jui Meng berkata, kementerriannya perlu menunggu garis panduan berkaitan dana berkenaan daripada Kementerian Kewangan.

"Kita minta orang ramai dapat bersabar kerana kita belum dapat garis panduan atau butiran lanjut mengenai dana ini.

"Ya baru sahaja diumumkan oleh Perdana Menteri dan dalam masa beberapa hari lagi kita akan mengetahuinya secara terperinci," katanya.

Menjawab pertanyaan kemungkinan sebagai Menteri Kesihatan, beliau boleh menggunakan kuasa untuk membolehkan seseorang berpendapatan lebih RM600 sebulan memperoleh bantuan dari dana berkenaan, Jui

Meng enggan mengulas lanjut.

Kata beliau, dana yang diumumkan dalam Bajet 2003 itu membuktikan bahawa kerajaan prihatin dengan masalah kesihatan rakyat negara ini, terutama mereka yang berpendapatan rendah.

Jelasnya, dana itu berbenutuk mesra rakyat dan kerajaan juga sedar rakyat negara ini sentiasa prihatin dan sanggup menghulurkan bantuan apabila ada orang yang menghidap penyakit kronik.

"Perdana Menteri yang juga seorang doktor perubatan sentiasa mengambil berat mengenai masalah rakyat dan sebab itu dana ini diwujudkan.

"Walaupun dana ini diwujudkan, namun kita yakin rakyat-atas sikap prihatin akan terus menghulurkan bantuan apabila terdapat sesuatu kes penyakit kronik," katanya.